

KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA KATA
HUBUNG DALAM BAHASA INDONESIA DAN
BAHASA MALAYSIA

Oleh
ROMA AYUNI AMINOEDDIN LOEBIS

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi ijazah Sarjana Sastera

Jun 1997

MIKROFIS
5255

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGESAHAN PEMERIKSAAN TESIS

SENAT PADA 16/6/97
TELAH MENGESAHKAN
PENGANUGERAHAN IJAZAH
SARJANA Sastera / DOKTOR
FALSAFAH KEPADA CALON
Roma Ayuni Aminoeddin Loebis

KAMI, AHLI-AHLI JEMAAH PEMERIKSAAN TESIS YANG DILANTIK OLEH SENAT UNTUK MEMERIKSA TESIS YANG BERTAJUK "KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA KATA HUBUNG DALAM BAHASA INDONESIA DAN BAHASA MALAYSIA" YANG DISERAHKAN OLEH CIK ROMA AYUNI AMINOEDDIN LOEBIS BAGI MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH SARJANA SASTERA DENGAN INI MENGESAHKAN BAHAWA:-

- (i) KAMI TELAH BERMESYUARAT PADA HARI RABU, 11 JUN 1997 DAN MENJALANKAN PEMERIKSAAN LISAN TERHADAP CALON TERSEBUT CIK ROMA AYUNI AMINOEDDIN LOEBIS SEPerti YANG DIPERUNTUKKAN DI DALAM FASAL 8.4 SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN RANCANGAN IJAZAH TINGGI :-


"Seseorang calon adalah dikehendaki mengambil Peperiksaan Lisan melainkan dikecualikan oleh Senat"

- (ii) KAMI MEMBUAT PERAKUAN INDIVIDU SEPerti BERIKUT :-

JEMAAH PEMERIKSAAN TESIS

CALON DILULUSKAN TERTAKLUK KEPADA CALON MEMBUAT PERUBAIIAN KECIL/TEKNIKAL SEPerti YANG DIHURAIIKAN DI DALAM LAPORAN MESYUARAT JEMAAH INI

1. PROF. MADYA DR. MD. SALLEH YAAPAR
DEKAN/PENGERUSI
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
2. PROF. MADYA DR. NORIAH TASLIM
WAKIL DEKAN
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
3. PROF. ABDULLAH HASSAN
PENYELIA UTAMA
4. DR. DARWIS HARAHAP MOHAMAD
PEMERIKSA DALAM



SAYA, MUHAMAD TARMIZI RAHIM SELAKU PEMANGKU SETIAUSAHA KEPADA JEMAAH PEMERIKSAAN TESIS TERSEBUT, DENGAN INI MENGESAHKAN BAHAWA JEMAAH INI TELAH MEMPERTIMBANGKAN PERAKUAN-PERAKUAN DARIPADA PEMERIKSA-PEMERIKSA DAN JUGA PERAKUAN-PERAKUAN INDIVIDU AHLI-AHLINYA BERSETUJU UNTUK MEMBUAT PERAKUAN SEPerti TERSEBUT DI ATAS.

TARIKH: 11.6.97



(PEMANGKU SETIAUSAHA)

Khas untuk:
Ayah dan Bunda tercinta

PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadirat Allah SWT kerana dengan rahmat dan kurnia-Nya saya dapat menyelesaikan tesis ini. Salawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Besar Muhammad SAW, keluarganya, sahabatnya dan pengikutnya.

Saya mengucapkan terima kasih yang tiada terhingga kepada Profesor Abdullah Hassan yang telah membimbing saya dalam menulis tesis ini. Perancangan kerja yang tersusun, penasihatannya yang bernas, sikap terbuka, sabar serta dorongan yang tinggi daripada beliau merupakan faktor terhasilnya kajian ini.

Terima kasih dan rasa hormat saya kepada pihak Universiti Sains Malaysia atas segala prasarana yang diberikan sehingga memudahkan saya dalam membuat kajian.

Terima kasih saya kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah dan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk menuntut ilmu di Universiti Sains Malaysia ini.

Kepada Dr. Darwis Harahap yang telah membantu dan menyumbang pelbagai bahan bagi kegunaan kajian ini dan Prof. H.T.Amin Ridwan, Ph.D yang telah memberi dorongan

kepada saya untuk melanjutkan pelajaran, rasa terima kasih juga saya ucapkan.

Terima kasih saya teristimewa kepada ayah H.Aminoeddin Loebis, bonda Dra. Hj.Rohani Lubis yang telah menyekolahkan dan sentiasa mendoakan saya, abang Ir. Rajanami Lubis, kakak Linda Aura, adik Dra. Rumonda Bulan A.Loebis dan juga Annisa Niandana Lubis yang turut membantu dengan doa.

Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada sahabat baik saya Drs. Ahmad Fatwa Elfalah, Bapak Drs. Aliumir Alex Nefi, M.A & Kak Anita Rosalina sekeluarga, Latipah binti Nordin, Encik Shamsuri di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia atas semua bantuan dan juga kepada rakan-rakan Pelajar Indonesia yang sama-sama melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia ini.

Akhir kata, saya mendoakan mudah-mudahan semua bantuan yang telah diberi dibalas berlipat ganda oleh Yang Maha Pemberi. Amin.

Roma Ayuni Aminoeddin Loebis

Universiti Sains Malaysia

Jun 1997

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	v
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	9
1.3 Bidang Kajian	10
1.4 Batasan Kajian	10
1.5 Kaedah dan Pendekatan Kajian	11
1.6 Bahan Kajian	12
1.7 Hipotesis	14
1.8 Tujuan Kajian	15
1.9 Organisasi Kajian	18
BAB 2 LATAR BELAKANG TEORITIS	
2.1 Asal usul dan perkembangan bahasa Indonesia	19
2.2 Asal usul dan perkembangan bahasa Malaysia	24

BAB 3	PENGENALAN KATA HUBUNG	
3.1	Kata hubung secara Am	30
3.2	Perbezaan kata hubung dengan kata depan	37
BAB 4	JENIS DAN FUNGSI KATA HUBUNG DALAM BAHASA INDONESIA	
4.1	Kata Hubung Koordinatif	41
4.2	Kata Hubung Subordinatif	51
4.3	Kata Hubung Korelatif	92
4.4	Kata Hubung Antarkalimat	95
4.5	Kata Hubung Antarparagraf	110
BAB 5	JENIS DAN FUNGSI KATA HUBUNG DALAM BAHASA MALAYSIA	
5.1	Kata Hubung Gabungan	118
5.2	Kata Hubung Pancangan	143
5.2.1	Kata Hubung Pancangan Relatif	144
5.2.2	Kata Hubung Pancangan Komplemen	147
5.2.3	Kata Hubung Pancangan Keterangan	149
5.3	Kata Hubung Berkait	172
BAB 6	KAJIAN PERBANDINGAN	
6.1	Ruang lingkup dan tujuan Kajian Perbandingan	179
6.2	Persamaan jenis dan fungsi kata hubung	203

6.3	Perbezaan jenis dan fungsi kata hubung	205
6.4	Penggunaan kata hubung	208
BAB 7	KESIMPULAN	
7.1	Rumusan	211
7.2	Saranan	222
7.3	Kajian selanjutnya	223
BIBLIOGRAFI		224

ABSTRAK

Kata hubung adalah golongan perkataan yang penting di dalam pembentukan ayat, sama ada secara tulisan mahupun lisan.

Meskipun terlihat sederhana tetapi ia didapati cukup rumit kerana terdiri daripada berbagai-bagai jenis dan bentuk serta penggunaannya bervariasi.

Oleh sebab bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia tersebar ke daerah-daerah pengguna kedua-dua bahasa ini melalui media cetak dan elektronik, maka satu kajian perbandingan tentang bentuk dan fungsi kata hubung dalam bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia perlu dilakukan. Kajian ini juga melihat persamaan dan perbezaan kata hubung di dalam kedua-dua bahasa.

Hasil kajian ini dapat mempertingkatkan keberkesanan komunikasi di antara pengguna kedua-dua bahasa.

Kajian ini menunjukkan variasi bentuk dan fungsi kata hubung di antara kedua-dua bahasa itu.

A COMPARATIVE STUDY OF CONJUNCTIONS
IN BAHASA INDONESIA AND BAHASA MALAYSIA

ABSTRACT

Conjunctions are important elements in sentence constructions, both in spoken and written forms.

Although they appear to be simple, but in actual fact conjunctions have complex and varied forms and functions.

As both users of bahasa Indonesia and bahasa Malaysia are exposed to the two languages through the print and electronic media, a comparative study of the conjunctions and their functions in both languages is important. This study also analyzes the similarities and the differences of conjunctions in both languages.

The result of this study can improve effectiveness of communication between users of both languages.

This study states the various forms and functions of conjunctions in both languages.

BAB SATU

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN KAJIAN

Kajian ini ialah suatu kajian perbandingan unsur tatabahasa di dalam bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia.

Telah diketahui secara umum bahawa bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia memiliki latar belakang yang sama, iaitu bahasa Melayu.

Beberapa orang sarjana Eropah seperti Hendrik Kern dan Von Heine-Geldern telah menyiasat asal usul bahasa-bahasa di Kepulauan Melayu. Dalam kajian ini didapati ada dua golongan pengembara yang telah sampai ke Kepulauan Melayu. Orang-orang dari Yunan telah mengembara ke daerah-daerah Asia Tenggara sejak 2,500 SM. Mereka inilah yang menjadi penduduk asal Asia Tenggara. Orang yang datang dari Yunan ini dipanggil Melayu Proto. Kemudian, kira-kira dalam tahun 1,500 SM, satu puak yang lain pula keluar mengembara ke selatan. Mereka dinamakan Melayu Deutro. Mereka menduduki daerah-daerah yang subur di pinggir-pinggir pantai Asia Tenggara. Mereka menduduki daerah-daerah yang telah

menyebabkan orang-orang Melayu Proto tadi lari ke gunung-gunung dan ke hutan-hutan rimba di pedalaman. Melayu Proto ini dikenali sebagai orang-orang Jakun, Mah Meri, Jahut, Temuan, Biduanda dan beberapa kelompok kecil yang lain. Melayu Deutro ini juga lebih cekap dalam pelayaran. Mereka telah berlayar ke pulau-pulau di seluruh Kepulauan Melayu dan membuat kediaman di seluruh Nusantara.

Bangsa Melayu Proto ini mulanya menuturkan satu bahasa yang sama, tetapi lama-kelamaan, sebab mereka terpisah oleh laut dan gunung, maka perhubungan di antara satu dengan lain terputus. Bahasa tadi terpecah menjadi bahasa yang berlainan seperti bahasa Jawa, Dayak, Minangkabau, Batak, Visaya dan sebagainya. Bahasa-bahasa ini nampaknya mempunyai kata-kata dan bunyi yang berlainan, tetapi apabila diselidiki maka nyatalah bahawa bentuk dan sistem bahasanya seasal. Malah dalam perbendaharaan kata bahasa-bahasa itu terdapat banyak persamaan-persamaan yang menunjukkan semua bahasa berasal dari satu induk (Abdullah Hassan, 1980: 25-26).

Bahasa-bahasa di Nusantara ini juga dikenali sebagai bahasa Austronesia. Istilah yang lebih awal ialah bahasa Melayu Polinesia, iaitu kelompok yang

mengandung bahasa Melayu. Bahasa-bahasa ini tersebar dari Taiwan di utara ke New Zealand di selatan, Pulau Krismas di timur dan Madagaskar di barat.

Bahasa-bahasa Austronesia terbahagi atas tiga kelompok besar: Nusantara, Melanesia dan Polinesia. Bahasa Melayu tergolong kepada kelompok Nusantara. Bahasa Nusantara pula, terbahagi kepada dua kelompok kecil, iaitu: Bahasa-bahasa Nusantara Barat terdiri dari: Malagasi, Aceh, Melayu, Jawa, Sunda, Dayak, Tagalog, Sibu, Visaya dan lain-lain dan bahasa-bahasa Nusantara Timur terdiri dari: Solo, Roti, Sika dan lain-lain (Abdullah Hassan, 1980: 26-27).

Istilah "Austronesia" untuk rumpun bahasa yang meliputi juga bahasa Melayu itu pertama kali digunakan oleh sarjana linguistik bandingan, Wilhelm Schmidt, yang dalam abad kesembilan belas banyak meneliti bahasa-bahasa dalam rumpun berkenaan dan juga bahasa-bahasa yang terdapat di dataran Asia yang sama atau hampir sama dengan bahasa-bahasa di pulau-pulau di selatannya, maka Schmidt membuat kesimpulan bahawa bahasa-bahasa itu satu waktu yang lalu berasal dari satu sumber yang sama, tetapi perkaitan kekeluargaan itu disusur-galurkan kepada jarak masa yang sangat lama, yakni 5,000 tahun ke atas. Sumber yang menurunkan

bahasa-bahasa di daratan dan di pulau-pulau itu diberi nama **filum (phylum)**, yakni **filum Austrik (austric phylum)**. Istilah **filum** merujuk kepada kelompok bahasa yang lama-waktunya 5,000 tahun atau lebih.

Filum austrik ini berpecah kepada dua cabang, yang akhirnya berkembang menjadi rumpun, yaitu rumpun **Austroasia** dan rumpun **Austronesia**.

Perkataan **Austrik** itu berasal dari kata dasar dalam bahasa Latin, **austro-** yang bermakna "selatan". Dengan demikian **Austrik** bermakna filum bahasa-bahasa di kawasan selatan sebagai lawan filum-filum utara, seperti filum bahasa-bahasa **China-Tibet** dan lain-lain lagi. Dari itu istilah **Austroasia** bermakna "Asia Selatan", dan rumpun ini terdiri bahasa-bahasa **Cham** dan **Mon-Khmer** yang semuanya terdapat di daratan Asia, bahagian selatan. Dalam rumpun ini termasuk juga sebahagian besar bahasa orang-orang asli **Malaysia**. Istilah **Austronesia** pula dibentuk dari unsur Latin **austro** dan unsur Yunani **nesos**, iaitu "pulau". Dengan itu "Austronesia bermakna "pulau-pulau selatan". Dan dalam pengertian rumpun yang berkenaan, sungguhpun **Semenanjung Tanah Melayu** bukan pulau, tetapi bahasa **Melayu** dan satu dua bahasa orang asli, iaitu **Jakun** dan **Temuan**, digolongkan sebagai bahasa **Austronesia**.

Sekarang ini nama Austronesia itu sudah umum digunakan, tetapi sebelum itu istilah yang lebih terkenal ialah **Malayo-Polinesia**. Yang pertama kali menggunakan istilah ini adalah Wilhelm von Humboldt, juga dalam abad ke sembilan belas. Humboldtlah yang pertama kali membangkitkan persamaan antara bahasa-bahasa di Kepulauan Polinesia, yakni bahasa-bahasa yang meliputi bahasa-bahasa Fiji, Maori, Hawaii dan sebagainya itu, dengan bahasa Melayu. Tetapi istilah **Polinesia** dicipta oleh William Marsden, yang juga membangkitkan hal yang sama.

Dari segi pembahagiannya, rumpun Austronesia dibahagikan kepada empat keluarga, iaitu Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polinesia.

Bahawa keluarga-keluarga itu menganggotai rumpun Austronesia adalah berdasarkan ciri-ciri persamaan di antara satu sama lain. Di samping persamaan terdapat perbezaan. Perbezaan-perbezaan inilah yang menjadi asas pembahagian kepada keluarga-keluarga itu. Persamaan dan perbezaan antara keluarga-keluarga itu merupakan persamaan dan perbezaan yang meliputi sistem bunyi, pembentukan kata, dan perbendaharaan kata (Asmah Haji Omar, 1988: 34-36).

Berdasarkan keterangan dari ahli bahasa, jelaslah bahwa bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia berasal dari satu rumpun bahasa. Namun dalam beberapa aspek terdapat juga perbezaan yang disebabkan oleh perkembangan bahasa. Fenomena ini mengakibatkan Bahasa Melayu banyak melahirkan bahasa baru yang dituturkan oleh sekelompok manusia yang tinggal dalam satu kawasan geografis yang tertentu. Hal yang sama terjadi dalam perkembangan bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia. Dengan bertambahnya kosa kata di dalam kedua-dua bahasa yang dipengaruhi bahasa asing menyebabkan kedua-dua bahasa yang berasal dari satu rumpun ini berbeza di dalam bahagian-bahagian tertentu. Dalam sejarah, Malaysia dijajah Inggeris sehingga kebudayaan dan bahasa Inggris besar sekali pengaruhnya atas kebudayaan dan bahasa Malaysia, seperti halnya bangsa Indonesia yang dijajah Belanda.

Pengaruh atas bahasa selalunya meliputi bunyi, perbendaharaan kata, erti kata, tatabahasa dan gaya bahasa. Adapun persamaan dan perbezaan yang terdapat di antara bahasa Indonesia terlihat di dalam kelas Sintaksis, Semantik, Morfologi dan Fonologi.

Dari segi Sintaksis, persamaan yang terdapat di dalam kedua-dua bahasa adalah di dalam pembentukan

ayat. Kedua bahasa memiliki bentuk dasar yang sama iaitu Subjek-Predikat-Objek. Keduanya tidak mempunyai bentuk jamak pada kata benda dan bentuk lalu (past tense) ataupun akan datang (future tense) pada kata kerja.

Dari segi Semantik terdapat sedikit perbezaan di dalam makna kata. Hal ini berlaku kerana pengaruh masyarakat yang mempergunakan bahasa itu. Contohnya kata *sulit* di dalam bahasa Indonesia bermakna *sukar*, sedangkan di dalam bahasa Malaysia bermakna *rahsia* (Abdullah Hassan & Leo Sudaryanto, 1991: 420). Walaupun di dalam bahasa Malaysia, kata *sulit* juga bermakna *sukar* atau *susah* tetapi jarang digunakan untuk menunjukkan makna tersebut. Daerah erti sama tetapi penjurusan makna berbeza. Selain itu ada sejumlah kata yang mempunyai makna sama tetapi berbeza kata yang mewakili makna tersebut.

Contoh:

pelayanan (BI)	-	perkhidmatan (BM)
yayasan (BI)	-	pertubuhan (BM)
perlawanan (BI)	-	peraduan (BM)
kalah (BI)	-	tewas (BM)
pengukuhan (BI)	-	pertabalan (BM)

Dari segi Morfologi, perbezaan yang ada adalah dalam bentuk pengejaan sebahagian kata. Misalnya:

beda	(BI)	-	beza	(BM)
karena	(BI)	-	kerana	(BM)
bahwa	(BI)	-	bahawa	(BM)
jabatan	(BI)	-	jawatan	(BM)
sebahagian	(BI)	-	sebahagian	(BM)
bus	(BI)	-	bas	(BM)
taksi	(BI)	-	tekxi	(BM)
polisi	(BI)	-	polis	(BM)
Agustus	(BI)	-	Ogos	(BM)
nomor	(BI)	-	nombor	(BM)
seri	(BI)	-	siri	(BM)

Dari segi Fonologi, tidak terdapat adanya perbezaan. Fonem-fonem yang ada di dalam bahasa Indonesia memiliki bunyi yang sama dengan fonem yang ada di dalam bahasa Malaysia. Akan tetapi di dalam bahasa Malaysia tampak juga kecenderungan untuk mengekalkan bentuk asal. Contoh:

bahwa	(BI)	-	bahawa	(BM)
sebahagian	(BI)	-	sebahagian	(BM)
saya	(BI)	-	sahaya	(BM)
saja	(BI)	-	sahaya	(BM)

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Pada masa kini dalam konteks pendidikan banyak pelajar Indonesia yang melanjutkan pelajaran mereka di Malaysia. Demikian pula sebaliknya tidak sedikit pelajar Malaysia yang menuntut di Indonesia. Hal ini tentulah mengharuskan para pelajar Indonesia mengetahui sedikit banyak tentang bahasa Malaysia, demikian pula sebaliknya.

Perbezaan tersebut di antara kedua-dua bahasa tersebut terkadang menimbulkan masalah dan kesulitan bagi pelajar Indonesia dalam mempelajari bahasa Malaysia, demikian pula bagi pelajar Malaysia dalam mempelajari bahasa Indonesia.

Bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia juga dipelajari di negara luar. Huraian seperti ini akan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia dalam memahami kedua-dua bahasa.

Oleh kerana itu, kajian ini dijalankan untuk membandingkan kata hubung di dalam bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia bagi mendapatkan persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua bahasa tersebut. Dari pengelompokan ini akan diperlihatkan kata hubung yang sama dalam bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia, kata

hubung yang digunakan di dalam bahasa Indonesia tetapi tidak lazim di dalam bahasa Malaysia dan kata hubung yang digunakan di dalam bahasa Malaysia tetapi tidak lazim digunakan di dalam bahasa Indonesia.

1.3 BIDANG KAJIAN

Bidang kajian ini ialah bidang sintaksis. Di dalam perbincangan sintaksis, ia meliputi penggolongan, penjenisan, pola dan struktur atau binaan ayat.

Setiap pembentukan ayat dalam suatu bahasa dikenali dengan binaan atau konstruksi. Suatu binaan ayat itu bukan sekadar gabungan atau rentetan kata yang tidak tersusun, tetapi sebaliknya terbentuk daripada susunan beberapa unit kecil rangkai kata yang di dalam ilmu bahasa dikenali sebagai unsur atau konstituen.

Salah satu dari unsur tersebut ialah kata tugas, iaitu sejenis perkataan yang hadir dalam ayat, klausa atau frasa untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis.

1.4 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dibatasi pada analisis kata tugas yang mengkhususkan pada kata hubung. Secara lengkapnya kajian ini akan menganalisis jenis-jenis kata hubung

dan fungsinya seperti yang terdapat di dalam bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia.

Setelah itu satu perbandingan di antara jenis dan fungsi kata hubung dalam bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia dilakukan.

1.5 KAEDAH DAN PENDEKATAN KAJIAN

Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini ialah kaedah perpustakaan. Kaedah perpustakaan sesuai kerana ia:

- a. Menggali teori asas dan konsep yang telah ditemui oleh para ahli tertentu.
- b. Mengikuti perkembangan penyelidikan dalam bidang yang akan diteliti.

Pendekatan kajian yang dipilih adalah pendekatan deskripsi struktur. Pendekatan deskripsi struktur bermaksud menganalisis bahasa secara strukturalisme iaitu memberi perhatian yang eksplisit kepada pelbagai bahasa sebagai struktur dan sistem.

Dilihat dari pendekatan ilmiah, penelitian ini bersifat sinkronik, ertinya memusatkan diri pada data yang gejalanya memang didapati pada masa tertentu, dalam hal ini bahasa yang masih digunakan penuturnya pada masa tersebut.

Kajian ini menggunakan kaedah perbandingan atau metode komperatif. Yang dimaksud dengan kaedah perbandingan adalah "...cara untuk menentukan kekerabatan bahasa-bahasa dengan membandingkan bentuk dari kata-kata seasal dengan tujuan untuk merekonstruksikan bahasa purba..." (Harimurti Kridalaksana, 1993: 137)

1.6 BAHAN KAJIAN

Data dikumpulkan daripada sumber bertulis. Sumber bertulis dipilih daripada teks yang terdapat di akhbar, majalah dan novel yang diterbitkan oleh Indonesia dan Malaysia.

Akhbar terbitan Indonesia yang dipilih ialah **REPUBLIKA**, sedangkan terbitan Malaysia ialah **BERITA HARIAN**.

Majalah terbitan Indonesia yang dipilih ialah **GATRA**, sedangkan dari Malaysia ialah **MASSA**. Keempat-empat media cetak yang dipilih kerana penulis menganggap bahawa keempat-empatnya merupakan media cetak yang populer di kedua negara. Novel dari Indonesia yang dipilih bertajuk **Pertemuan Dua Hati (PDH)** karangan N.H.Dini dan **Layar Terkembang (LT)** karangan Sutan Takdir Alisyahbana. Kedua-dua novel ini dipilih kerana Sutan Takdir Alisyahbana merupakan sasterawan dan

pengarang terkenal sedangkan N.H. Dini juga merupakan pengarang moden yang karangannya banyak digemari. Novel dari Malaysia yang dipilih bertajuk **Merpati Putih Terbang Lagi (MPTL)** karangan Khadijah Hashim. Untuk mendapatkan contoh kata hubung lama, sumber yang digunakan adalah **Hikayat Hang Tuah (HHT)** yang merupakan hikayat Melayu lama. Telah diketahui bahawa bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia berasal dari satu bahasa iaitu bahasa Melayu. Oleh kerana itu, hikayat ini dapat mewakili kedua-dua bahasa (bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia). Buku **Cerita Rakyat Dari Semarang (CRDS)** yang ditulis berdasarkan cerita rakyat oleh S. Suharianto dan Agus Nuryatin dan **Cerita Rakyat Dari Bengkulu (CRDB)** yang ditulis oleh H. Syamsuddin ZA, M. Ikram, Zaharuddin, M. Halimi Habib, Zainuddin Yasul digunakan sebagai tambahan.

Alasan pemilihan adalah dilihat dari struktur penulisan ayat, sumber-sumber tersebut di atas memenuhi standard penulisan bahasa baku. Penulis memilih sumber-sumber data tersebut kerana sumber tersebut dianggap sudah mewakili sumber tulisan lain sezaman dengannya.

Dari sumber data ini hanya akan dipilih ayat-ayat yang di dalamnya terdapat **kata hubung**. Semua data tersebut akan dikelompokkan berdasarkan jenis-jenis

kata hubung. Daripada pengelompokan inilah analisis dijalankan. Dari pengelompokan ini diperlihatkan kata hubung yang sama dalam bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia, kata hubung yang digunakan di dalam bahasa Indonesia tetapi tidak lazim digunakan di dalam bahasa Malaysia dan kata hubung yang digunakan di dalam bahasa Malaysia tetapi tidak lazim digunakan di dalam bahasa Indonesia.

1.7 HIPOTESIS

Kajian bertitik tolak daripada hipotesis berikut:

1. Adanya persamaan bentuk jenis-jenis kata hubung di dalam bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia.
2. Adanya perbezaan istilah dalam bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia dalam menyatakan dan mengelompokkan jenis-jenis kata hubung.
3. Adanya persamaan dan perbezaan dalam pemakaian kata hubung di antara kedua-dua bahasa.
4. Bahwasanya banyak bentuk kata hubung yang dipakai saat ini tidak dihuraikan baik dalam **Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia** (1993) di Indonesia mahupun dalam **Tatabahasa Dewan** (1994) di Malaysia. Kedua-dua buku ini merupakan buku rujukan di kedua-dua negara

5. Bahwasanya sekarang ini banyak kata hubung yang sepatutnya diletakkan di dalam ayat tetapi diletakkan di awal ayat kerana adanya amalan memendekkan ayat panjang menjadi dua ayat atau ayat yang lebih pendek.

1.8 TUJUAN KAJIAN

Kajian bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia telah banyak dijalankan sejak lama. Terbukti dengan banyaknya buku-buku tentang kedua-dua bahasa yang telah diterbitkan, seperti Prof. DR. A.A. Fokker (*Sintaksis Indonesia* -terjemahan Djonhar (1972)), J.S. Badudu (*Pelik-pelik Bahasa Indonesia* (1982)), Ch.A. Van Ophuijsen (*Tata Bahasa Melayu* (1983)), Samsuri (*Tata Kalimat Bahasa Indonesia* (1985)), C. Spat (*Bahasa Melayu-Tata Bahasa selayang pandang* (1989)), Hashim Haji Musa (*Binaan Dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu* (1993)).

Selain daripada itu, buku-buku nahu bahasa Indonesia juga telah banyak diterbitkan seperti *Tata Bahasa Indonesia* (I.R. Poedjawijatna dan P.J. Zoetmulder, 1955), *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia* (Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan, 1988), sedangkan bahasa Malaysia adanya *Pelita Bahasa Melayu 1* (Zainal 'Abidin bin Ahmad, 1965), *Petunjuk Bahasa Malaysia Baku KBSM*

(Asraf Wahab, 1989), *Nahu Melayu Mutakhir* (edisi keempat) (Asmah Haji Omar, 1993), *Tatabahasa Pedagogi Bahasa Melayu* (Abdullah Hassan, 1993), *Tatabahasa Dewan* (edisi baharu) (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid, 1993), *Nahu Melayu Moden* (Abdullah Hassan & Liaw Yock Fong, 1994). Buku-buku ini membicarakan nahu bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia secara am dan memberi pengolahan kepada semua aspek nahu bahasa Indonesia dan Malaysia.

Kajian mengenai kata hubung bahasa Indonesia mahupun bahasa Malaysia belum banyak dijalankan. Beberapa kajian seperti M. Ramlan (*Kata Penghubung dan Pertalian yang dinyatakan dalam Bahasa Indonesia Dewasa* (1981)), AG. Gianto (*Konjungsi Dan, Atau, Tetapi; Kajian Sintaksis dan Semantis* (1983)), Azhar M. Simin (*Sintaksis wacana "yang" dalam bahasa Melayu* (1993)).

Kajian terdahulu umumnya mengkaji sebahagian dari keseluruhan kata hubung. Di dalam buku nahu bahasa pada umumnya kata hubung dibincangkan kaitannya sebagai kata bantu di dalam membentuk ayat majmuk. Sedangkan fungsi setiap kata hubung tidak dihuraikan secara khusus.

Berbeza dengan kajian-kajian terdahulu, kajian ini memberi keutamaan terhadap pemaparan persamaan dan perbezaan di antara kata hubung bahasa Indonesia dan

bahasa Malaysia serta menghuraikan fungsi dari kata hubung tersebut. Kajian perbandingan ini bertujuan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan jenis dan fungsi kata hubung yang ada di dalam bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia.

Kajian ini juga dijalankan ke atas bahan tulisan. Ini adalah kerana bahasa tulisan dianggap wujud penggunaan bahasa yang rapi sebab telah disunting. Oleh sebab itu penggunaan kata hubung akan terlihat dalam konteks yang sempurna berbanding dengan bahasa lisan.

Daripada kajian ini diharapkan akan tampak secara rinci jenis-jenis kata hubung di dalam kedua-dua bahasa tersebut. Hasil ini diharapkan dapat membantu para pelajar dan guru di Indonesia dalam memahami jenis-jenis dan fungsi kata hubung yang ada di dalam bahasa Malaysia. Demikian pula untuk pelajar dan guru di Malaysia, diharapkan dapat mengenal jenis-jenis dan fungsi kata hubung yang terdapat di dalam bahasa Indonesia.

Pengetahuan mengenai kata hubung di dalam kedua-dua bahasa ini juga akan dapat membantu meningkatkan kesalingfahaman apabila pembaca Malaysia membaca teks dalam bahasa Indonesia dan sebaliknya.

1.9 ORGANISASI KAJIAN

Hasil kajian ini dilaporkan dalam 7 Bab. Bab 1 merupakan pendahuluan yang di dalamnya dinyatakan pengenalan kajian, bidang kajian, batasan kajian, kaedah dan pendekatan kajian. Ia juga menyatakan kaedah pengumpulan dan pemilihan data sebagai bahan kajian. Ini diikuti dengan hipotesis, tujuan kajian dan organisasi kajian.

Bab 2 memberi latar belakang, iaitu asal usul dan perkembangan bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia.

Bab 3 menjelaskan kata hubung, dan memaparkan perbezaan kata hubung dan kata depan.

Bab 4 memaparkan jenis-jenis dan fungsi kata hubung di dalam bahasa Indonesia.

Bab 5 memaparkan jenis-jenis dan fungsi kata hubung yang ada di dalam bahasa Malaysia. Di dalam kedua-dua Bab ini, disertakan contoh-contoh kata hubung yang telah dikumpulkan daripada sumber data.

Bab 6 melaporkan hasil kajian perbandingan jenis-jenis kata hubung serta fungsinya di dalam ayat bahasa Indonesia mahupun bahasa Malaysia.

Bab 7 menyimpulkan rumusan yang didapati daripada kajian. Bab ini juga mengandungi saranan tentang kajian selanjutnya.

BAB DUA

BAB 2

LATAR BELAKANG TEORITIS

2.1 ASAL USUL DAN PERKEMBANGAN BAHASA INDONESIA

Bahasa Indonesia yang kini digunakan oleh bangsa Indonesia sebagai bahasa rasmi di negaranya dan bahasa perhubungan setiap hari berasal dari bahasa Melayu. Pada hari Sumpah Pemuda tanggal 28 Oktober 1928, dirasmikan suatu bahasa nasional iaitu BAHASA INDONESIA yang sebenarnya adalah bahasa Melayu. Nama baru ini iaitu Bahasa Indonesia bersifat politis, sejalan dengan nama negara merdeka yang diimpi-impikan: Negara Indonesia dan suatu bangsa yang bersatu iaitu Bangsa Indonesia. Semua politis sifatnya kerana dengan rasa bersatu yang ditimbulkannya, semangat lepas dari penjajahan akan lebih berkobar-kobar. Bangsa Indonesia lebih terikat dalam satu ikatan kerana merasa: Satu Tanah Air, Satu Bangsa dan Satu Bahasa.

Sebenarnya perkembangan bahasa Melayu menjadi bahasa Indonesia berlangsung secara perlahan tetapi berterusan. Andai kita perhatikan, bahasa yang dipergunakan dewasa ini di Indonesia memang tidak sama lagi dengan bahasa Melayu yang digunakan pada zaman Abdullah bin Abdulkadir Munsyi. Juga tidak sama dengan

bahasa Melayu pada zaman Balai Pustaka. Pada waktu akhir-akhir ini perkembangannya menjadi demikian pesatnya sehingga bahasa ini telah menjelma menjadi suatu bahasa baru.

Sebagai suatu bahasa yang hidup, digunakan oleh masyarakat yang terdiri dari berbagai-bagai suku bangsa yang masing-masing mempunyai bahasa daerahnya sendiri-sendiri, bahasa Indonesia menerima pengaruh dari bahasa-bahasa daerah; misalnya dari bahasa Minangkabau, bahasa Sunda ataupun bahasa Jawa.

Sebagai suatu bangsa yang hidup di tengah-tengah percaturan politik dan kebudayaan dunia, bangsa Indonesia menerima pengaruh-pengaruh yang datang dari luar. Demikian juga yang berlaku dalam segi bahasa. Kata-kata asing masuk ke dalam bahasa Indonesia seperti bahasa Sanskerta, bahasa Arab, bahasa Portugis, bahasa Tionghoa, bahasa Belanda dan bahasa Inggeris. Pengaruh ini tidak terbatas pada pemungutan kata-kata tetapi tampak juga pada struktur kata dan ayat (J.S.Badudu, 1982: 11-12).

Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia di dalam Majalah Medan Bahasa tahun V/no.34 tahun 1955

memberikan keterangan tentang kedudukan, fungsi serta pertumbuhan bahasa Indonesia:

1. Bahasa Indonesia ialah bahasa rasmi Negara Republik Indonesia dan bahasa kesatuan untuk segenap golongan dan semua lapisan masyarakat Indonesia seluruhnya.
2. Bahasa Indonesia ialah bahasa pengantar pada semua jenis sekolah serta bahasa penghubung antara setiap orang bangsa Indonesia dengan yang lain, sehingga mempunyai fungsi sosial yang sesungguhnya dan oleh kerananya harus bercorak satu, baik bahasa lisan mahupun bahasa tulisan.
3. Bahasa Indonesia ialah satu-satunya bahasa kebudayaan bangsa Indonesia dalam erti seluas-luasnya dan sedalam-dalamnya sehingga setiap pendapat dapat dirumuskan dan setiap perasaan dapat dilukiskan dalam bahasa itu.
4. Bahasa Indonesia kini sedang tumbuh dan dalam tumbuhnya menerima semua gejala yang berasal dari bahasa daerah atau bahasa asing yang memang dapat memperbaiki serta memperkaya perbendaharaan kata-katanya, sedang corak dan bentuknya akhirnya ditetapkan oleh masyarakat Indonesia.

Apa yang menyebabkan bahasa Melayu dijadikan bahasa nasional? Prof. Dr. Slametmuljana mengemukakan empat faktor yang menjadi penyebab iaitu:

1. Sejarah telah membantu penyebaran bahasa Melayu. Bahasa Melayu merupakan *lingua franca* di Indonesia, bahasa perhubungan/perdagangan.
2. Melaka pada masa jayanya menjadi pusat perdagangan dan pusat pengembangan agama Islam. Dengan bantuan para pedagang, bahasa Melayu disebarkan ke seluruh pantai Nusantara terutama di kota pelabuhan. Bahasa Melayu menjadi bahasa penghubung antar individu. Kerana bahasa Melayu itu sudah tersebar dan boleh dikatakan sudah menjadi bahasa sebahagian besar penduduk, Gubernur Jendral Rochussen lalu menetapkan bahawa bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di sekolah untuk mendidik calon pegawai negeri bangsa pribumi.
3. Dari satu segi kita katakan bahawa masa pendudukan Jepang telah membantu makin tersebarnya bahasa Indonesia kerana Pemerintah (Balatentara) Jepang melarang pemakaian bahasa musuh seperti Belanda dan Inggris. Kerana itu, bahasa Indonesia mengalami kontak sosial di seluruh wilayah Indonesia dengan berpuluh-puluh bahasa daerah.

4. Bahasa Melayu mempunyai sistem yang sederhana, ditinjau dari segi fonologi, morfologi dan sintaksis. Kerana sistemnya yang sederhana itu, bahasa Melayu mudah dipelajari. Dalam bahasa ini, tidak dikenal tingkat bahasa seperti dalam bahasa Jawa atau bahasa Bali, atau perbezaan pemakaian bahasa kasar dan bahasa halus seperti bahasa Sunda.
5. Faktor psikologi, iaitu bahawa suku bangsa Jawa dan Sunda telah dengan sukarela menerima bahasa Indonesia sebagai bahasa nasional, semata-mata kerana didasarkan pada keinsafan akan manfaatnya segera ditetapkan bahasa nasional untuk seluruh kepulauan Indonesia. Ada keikhlasan mengabaikan semangat dan rasa kesukuan kerana sedar akan perlunya kesatuan dan persatuan.
6. Kesanggupan bahasa itu sendiri juga menjadi salah satu faktor penentu; jika bahasa itu tidak mempunyai kesanggupan untuk dapat digunakan menjadi bahasa kebudayaan dalam erti yang luas, tentulah bahasa itu akan tidak dapat berkembang menjadi bahasa yang sempurna. Kenyataan membuktikan bahawa bahasa Indonesia adalah bahasa yang dapat digunakan untuk merumuskan pendapat secara jelas dan tepat dan

mengutarakan perasaan secara jelas (J.S.Badudu, 1982: 15-16).

2.2 ASAL USUL DAN PERKEMBANGAN BAHASA MALAYSIA

Sebelum bukti sejarah yang berupa tulisan dijumpai pada batu-batu bersurat, bahasa Melayu sudah lama digunakan kerana bahasa yang ada pada batu-batu bersurat tersebut sudah lama tersusun pembinaan kata dan pembinaan ayatnya, dan juga sudah kuat pengaruhnya sehingga orang India yang menulis perkataan-perkataan pada batu-batu bersurat tersebut menggunakan huruf Sanskerta dan memasukkan perkataan-perkataan Melayu. Bahasa yang tertulis pada batu-batu bersurat itu diberi nama bahasa Melayu purba (Abdullah Hassan, 1992: 10). Berabad-abad sebelum Masihi, Selat Melaka digunakan oleh para pedagang Arab sebagai laluan membawa barang-barang perniagaan dari China, Sumatera dan India ke Pelabuhan Yaman. Pada abad pertama barulah pedagang-pedagang India berlayar ke Timur menuju China. Para pedagang China pun berlayar ke barat menuju India. Pelayaran dua hala ini memaksa mereka melau Selat Melaka. Lama-kelamaan pelabuhan yang ada di Kepulauan Melayu bukan sahaja menjadi tempat persinggahan tetapi menjadi pusat perdagangan antara India dan China. Di